

UMK jadikan SMK Panggung Jaya sekolah angkat, bantu anak Orang Asli ke menara gading

Oleh **Nor Fazlina Abdul Rahim** - September 13, 2023 @ 5:27pm
nfazlina@nstp.com.my



Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof Dr Nik Maheran Nik Muhammad hadir pada majlis perasmian Program Outreach Bersasar kepada pelajar Orang Asli dan B40 di SMK Panggung Jaya. - Foto ihsan UMK.

KOTA BHARU: Universiti Malaysia Kelantan (UMK) akan menjadikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panggung Jaya di Gua Musang di sini, sebagai sekolah angkat universiti itu.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof Dr Nik Maheran Nik Muhammad, berkata usaha itu bagi membantu lebih ramai pelajar sekolah berkenaan terutama pelajar Orang Asli dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Selain itu, katanya, universiti berkenaan juga akan membantu pihak sekolah meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris sebagai persediaan mereka melanjutkan pelajaran di menara gading.

"SMK Panggung Jaya terletak di Gua Musang adalah sekolah pertama untuk anak Orang Asli di Kelantan.

"Sekolah itu mula beroperasi pada tahun 2020 mampu memuatkan sehingga 700 pelajar dengan kemudahan asrama kepada 400 pelajar. Kos pembinaan sekolah berjumlah RM50 juta dan mampu membantu mengurangkan peratusan pelajar kaum Orang Asli tercicir dalam pelajaran," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Pada masa sama, beliau berkata, UMK baru-baru ini menjalankan Program Outreach Bersasar 2023 yang diadakan di SMK Panggung Jaya, Gua Musang.

Katanya, program berkenaan adalah kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi dan UMK yang bertujuan mendekati masyarakat dan pelajar Orang Asli di daerah Gua Musang dan kawasan sekitar Lojing.

"Program ini bertujuan menyebarkan maklumat terkini berkaitan peluang pendidikan tinggi dan latihan yang disediakan oleh universiti awam (UA), Jabatan Pendidikan Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

"Penganjuran Program Outreach ini adalah selaras dengan hasrat dasar Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu menggalakkan masyarakat luar bandar memperoleh ilmu dalam menghadapi perubahan serta mendapatkan kemahiran dan latihan yang diperlukan untuk masa hadapan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Nik Maheran berkata, untuk sesi kemasukan pada 2022/2023, UMK menerima enam pelajar Orang Asli dari Pahang, Selangor, Kedah dan Perak.

Katanya, pada tahun ini bagi sesi kemasukan Oktober 2023/2024, UMK dijangka menerima lebih 10 pelajar Orang Asli.

"Berdasarkan statistik permohonan yang diterima melalui UPUOnline, jumlah keseluruhan calon dari negeri Kelantan pada sesi akademik 2023/2024 adalah sebanyak 29,003 dan 1,010 daripadanya adalah dari kawasan Gua Musang," katanya.